



PERSATUAN FALAK SYAR'I MALAYSIA  
جَمْعِيَّةُ الْفَلَكَ الْمَشْرِعِيِّ بِالْمَالِيزِيَا  
MALAYSIAN ISLAMIC ASTRONOMY SOCIETY



SURAT HASRAT UNTUK BEKERJASAMA  
ANTARA  
PERSATUAN FALAK SYAR'I MALAYSIA  
DENGAN  
UNIVERSITAS ISLAM NEGERI ALAUDDIN,  
MAKASSAR, INDONESIA

Tertakluk kepada Undang-undang Malaysia dan polisi-polisi, dalam usaha untuk menggalakkan usahasama dan faedah ke atas kedua-dua pihak, Persatuan Falak Syar'i Malaysia (PFSM) dan Universitas Islam Negeri Alauddin (UIN Alauddin) yang diwakili oleh Fakultas Syariah dan Hukum, dengan ini bersetuju bahawa Surat Hasrat (LoI) untuk bekerjasama ini akan bertindak sebagai rangka kerja am bagi kerjasama berikut:

1. Bekerjasama dalam penyelidikan, penerbitan dan persidangan;
2. Kunjungan kelapangan bagi mendapatkan maklumat dan data pengkajian;
3. Pengembangan melalui persidangan, seminar, bengkel dan wacana anjuran bersama;
4. Perkongsian bahan pengkajian dan kepakaran dalam membangunkan umat Islam di Malaysia; dan
5. Penempatan pelajar untuk latihan amali dan industri untuk meningkatkan kemahiran yang berkaitan.

Kedua-dua pihak memahami bahawa sekiranya aktiviti-aktiviti tersebut hendak dilaksanakan, segala kos dan tanggungan hendaklah dibincangkan secara bersama dan bergantung kepada sumber yang ada di Institusi masing-masing.

Butiran pelaksanaan setiap projek perlulah diperincikan secara bersama.

Sekiranya kedua-dua pihak ingin melaksanakan program kerjasama maka kedua-dua pihak akan memasuki Memorandum Persefahaman (MoU) atau Memorandum Perjanjian (MoA) yang mana memorandum tersebut akan mengikat kedua-dua pihak.

Pihak-pihak dengan ini menurunkan tandatangan di Surat Hasrat ini pada ..... November 2019.

Bagi  
PERSATUAN FALAK SYAR'I MALAYSIA

.....  
TUAN SYED KAMARULZAMAN SYED KABEER  
Yang Dipertua  
Persatuan Falak Syar'i Malaysia

Bagi  
UNIVERSITAS ISLAM NEGERI ALAUDDIN

.....  
DR. H. MUAMMAR MUHAMMAD BAKRY  
Dekan  
Fakultas Syariah dan Hukum